



CIBFM

Centre For Islamic Banking, Finance And Management

SIARAN AKHBAR

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA
PUSAT PERBANKAN ISLAM, KEWANGAN DAN PENGURUSAN
DAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

**19 SYAWAL 1436 BERSAMAAN DENGAN 5 AUGUST 2015
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

1. Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada 19 Syawal 1436H bersamaan dengan 5 Ogos 2015M di *Board Room*, Tingkat 2, Bangunan ILIA, Kampus UBD, Jalan Tungku-Link, BE1410.
2. Menandatangani bagi pihak CIBFM ialah Makhtar bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, manakala KUIS telah diwakili oleh Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor KUIS.
3. Objektif MoU ini adalah untuk mengukuhkan kerjasama dan hubungan antara kedua-dua institusi dalam bidang kewangan Islam dengan menggalakkan pelbagai aktiviti kerjasama seperti persidangan khusus, simposium dan seminar, latihan dan kursus profesional, dan pertukaran pengetahuan, kepakaran, kertas penyelidikan dan kajian.
4. Sebelum majlis penandatanganan MoU tersebut, CIBFM telah mengadakan *Regular Roundtable Discussion on Islamic Banking, Finance and Economics* yang telah dipengerusikan oleh Dr. Latifa Bibi binti Musafar Hameed, Pengarah Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCEF), KUIS. Majlis tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai AMBD, ahli-ahli akademik dan pakar-pakar industri kewangan Islam.
5. CIBFM adalah satu entiti latihan di bawah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan, matlamat CIBFM adalah untuk menjadi platform pembangunan bakat insan bagi industri kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan latihan profesional dalam bidang-bidang utama seperti perbankan, kewangan, insurans / takaful, pasaran modal dan kepimpinan, pengurusan serta kajian profesional.

6. KUIS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). KUIS ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan keupayaan pengajaran dan penyelidikannya. Visi KUIS termasuklah menyediakan sumber-sumber intelektual dan pendidikan universiti berkenaan untuk masyarakat dan rantau ini amnya.
7. Bagi maklumat lanjut mengenai CIBFM, orang ramai bolehlah mengunjungi pejabat CIBFM di Tingkat 3, Bangunan Illia, Kampus UBD, Jalan Tunku-Link; menghubungi talian 2461 221/2461 223; atau menghantar e-mel kepada inquiry@cibfmbrunei.com.

Centre for Islamic Banking, Finance and Management

Date: 19 Syawal 1436 / 5 August 2015

Ref: AMBD/COMMS/3

CIBFM/28